

Pembinaan Mitrajaya Dapat Kontrak Pembinaan Bernilai RM277.417 Juta
Bername

3 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Pembinaan Mitrajaya Sdn Bhd, unit Mitrajaya Holdings Bhd (MHB), memperoleh kerja pembinaan dan penyiapan bangunan utama Blok 5 di Symphony Hills, Cyberjaya bernilai RM277.417 juta daripada anggota UEM Sunrise Group, Symphony Hills Sdn Bhd.

Kontrak itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan masa depan MHB Group, demikian menurut Pembinaan Mitrajaya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Kontrak berkenaan bagi tempoh 29 bulan dan disasarkan siap pada Ogos 2016.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027741>